



JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG (08/2025)



جَابَاتُنْ مُفْتِي نِجَرِي قَهَاحْ

**TEKS**

**KHUTBAH**

**NEGERI PAHANG**

**OGOS 2025**



## MENCARI YANG HALAL

1 OGOS 2025 BERSAMAAN 07 SAFAR 1447H

الْحَمْدَ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوْا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَأَعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ

نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا

مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Taala dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredaan Allah Taala di dunia dan akhirat

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,**

Bekerja mencari rezeki adalah sebahagian daripada ajaran Islam. Allah Taala memberi ganjaran pahala kepada hamba-Nya yang berusaha mencari rezeki yang halal dan membelanjakan rezeki tersebut untuk kebaikan. Ingatlah! Sesungguhnya pahala yang amat besar apabila harta dibelanjakan untuk memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak sebagaimana firman Allah Taala dalam surah al-Baqarah ayat 172:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

**Yang bermaksud:** *“Wahai orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.”*

Mencari rezeki yang halal adalah kewajipan sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam hadis riwayat Imam al-Tabrani,

طَلَبُ الْحَلَالِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

**Yang bermaksud:** *“Mencari yang halal itu adalah wajib bagi setiap orang Islam.”*

Oleh itu berusahalah sepanjang masa agar rezeki yang kita perolehi adalah halal. Pilihlah makanan dan minuman yang kita pastikan ia adalah halal. Di negara kita alhamdulillah makanan dan minuman yang memiliki logo halal daripada JAKIM adalah banyak dan mencukupi untuk



keperluan kehidupan. Maka pilihlah yang ada logo halal supaya selamat daripada terlibat dengan makanan yang haram dan syubhat. Begitu juga ketika makan di luar, carilah kedai makan dan restoran yang ada logo halal atau yang dimiliki oleh orang Islam.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,**

Rezeki yang halal ialah sumber rezeki yang diperolehi dengan cara yang sah. Oleh itu, jauhilah daripada melakukan perbuatan yang menjadikan rezeki tersebut haram dengan mengambil sesuatu yang milik orang lain tanpa izin seperti merampas, mencuri atau merompak. Begitu juga seseorang yang bekerja di pejabat, perlu ingat bahawa harta milik pejabat hanya boleh digunakan untuk keperluan pekerjaan dan bukan untuk tujuan peribadi. Demikian juga, mengambil hasil tanaman, buah-buahan dan binatang ternakan orang lain tanpa kebenaran tuannya adalah perbuatan berdosa.

Rezeki juga menjadi haram apabila ia diperolehi melalui penipuan sama ada dalam perniagaan atau melalui apa cara penipuan yang tersebar pada hari ini. Amat menyedihkan apabila perbuatan menipu berleluasa dalam masyarakat kita. Seringkali kita mendengar mangsa penipuan melalui pelaburan skim cepat kaya, penipuan dalam talian atau scammer, penipuan dalam jual beli dan yang lebih mendukacitakan menipu pakej mengerjakan haji dan umrah. Ingatlah! semua amalan penipuan adalah dosa besar dan wang yang diperolehi adalah haram. Takutlah kepada sabda Nabi sallallahu`alaihi wasallam dalam hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud: “*Sesiapa yang menipu, dia bukan daripada pengikutku.*”



Rasulullah sallallahu`alaihi wasallam juga bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud: *“Jika mereka (penjual atau pembeli) berbohong dan menutupi (kecacatan barang), maka akan dihapuskan keberkatan jual beli mereka.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,**

Antara sumber rezeki yang haram juga adalah rasuah. Sabda Rasulullah Sallallahu`Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam Ahmad:

لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي

**Yang bermaksud:** *“Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah.”*

Hayatilah kata-kata Saidina Abdullah bin Rawahah Radhiallahu Anhu dalam riwayat Imam Malik yang bermaksud: *“Wahai kaum Yahudi! Rasuah yang kamu tawarkan itu adalah barang haram, dan kami kaum Muslimin tidak memakannya.”*

Oleh itu, janganlah mengambil kesempatan melalui jawatan untuk terlibat dengan rasuah. Rezeki yang halal bagi pekerja adalah upah yang dibayar oleh majikan berdasarkan kerja yang telah diamanahkan. Sebarang bayaran tambahan yang diperolehi daripada pihak luar yang berkepentingan ditakuti terjebak dengan gejala rasuah.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Kesimpulannya, berusaha untuk memastikan makan dan minum adalah sumber yang halal. Demikian juga carilah rezeki yang halal dengan cara kita melaksanakan tugas pekerjaan kita bersesuaian dengan pendapatan yang diperolehi. Jauhilah perbuatan menipu, mencuri, merampas, memakan rasuah dan mengambil hak orang lain kerana ia merupakan perkara yang diharamkan oleh syarak.

Marilah kita semua memastikan rezeki yang diperolehi dan diberikan kepada isteri dan anak-anak adalah halal dan diredai Allah Taala. Mimbar mengingatkan bahawa setiap daging yang tumbuh hasil daripada yang haram, nerakalah yang layak baginya. Sebagai tambahan amalkanlah doa ini dalam kehidupan seharian:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا ، وَرِزْقًا طَيِّبًا ، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

**Yang bermaksud:** “Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima.”

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ

عَدُوٌّ مُّبِينٌ



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.